

PELAKSANAAN DAKWAH DALAM MEMBANGUNKAN PROGRAM PEMULIHAN KEROHANIAN DAN AKHLAK: PENDEKATAN DISEBALIK TIRAI BESI

Nurul Wafiqah Binti Haji Abd Latif³⁶

Hajah Masuriyati Bte Haji Yahya³⁷

Dayang Hajah Tiawa @ Noriah Binti Awang Haji Hamid³⁸

Abstrak

Kemunculan teknologi pintar telah mengubah rutin kehidupan harian manusia dengan hanya satu sentuhan. Perkembangan pesat teknologi digital membolehkan industri menghasilkan pendigitalan manuskrip dan ini dapat meluaskan penerbitan Dakwah agar penyebarannya lebih cepat dan berkesan. Dakwah dalam berbagai bentuk telah menzahirkan imej Islam sebagai agama universal dan penyebarannya telah banyak diusahakan tanpa mengenal penat dan lelah dari para pendakwah itu sendiri. Bertitik tolak daripada itu, program pemulihan kerohanian dan akhlak telah disediakan dalam bentuk penyusunan silibus bagi tujuan membimbing penghuni institut penjara agar kembali semula ke jalan yang direndai Allah Taala dan memulakan kehidupan baru di bawah bimbingan ajaran Islam yang sempurna serta mengikut Sunnah Nabi Muhammad ﷺ, juga seharusnya dibangunkan melalui teknologi digital. Justeru itu, artikel ini akan meninjau bentuk pemulihan kerohanian dan akhlak serta cadangan kaedah digitalisasi Dakwah yang

³⁶ Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam. Email: wafiqah.alba@gmail.com/21mr1030@siswa.unissa.edu.bn.

³⁷ Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam. Email mysuriy@gmail.com.

³⁸ Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam. Email tiawa.hamid@unissa.edu.bn

bersesuaian untuk diaplikasikan di institusi-institusi pemulihan sebagai satu pendekatan baru sesuai dengan kemajuan teknologi digital hari ini. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode penelitian melalui sorotan karya literatur. Hasil kajian ini mendapati bahawa kepentingan sokongan sosial melalui khidmat dakwah secara kreatif dengan pengisian elemen *Tazkiyah al-Nafs*, *al-Tawbah*, *Halaqah*, hiburan Islam dan latihan vokasional dan pendidikan dalam pemulihan terbukti berkesan dan sebagai usaha untuk mempertingkatkan kualiti kerohanian penghuni sebagai generasi tirai besi yang beriman dan bertakwa serta berketerampilan menurut acuan al-Quran dan Sunnah.

Kata kunci: Dakwah berdasarkan Teknologi Digital; Pendekatan Dakwah; Program Pemulihan Kerohanian dan Akhlak.

THE IMPLEMENTATION OF ISLAMIC DAKWAH IN THE DEVELOPMENT OF SPIRITUAL AND MORAL REHABILITATION PROGRAM: AN APPROACH TOWARDS THE INMATES

Abstract

The digitization has revolutionized people's daily life because of the rapid progress of digital technology that allows the industry to digitize manuscripts, which can more effectively extend Dakwah through publications. The image of Islam has emerged from preaching in a number of ways, demonstrating how Islamic Dakwah is being adopted globally. The preachers' tireless efforts have also led to the Dakwah's unrelenting spread. Based on that, a spiritual and moral rehabilitation program in the form of a syllabus has been implemented to guide the inmates back to return the path gratifying to Allah Taala; to begin a new life under the guidance of the ideal of Islamic teachings with the Sunnah. As an outcome, the value of creative Dakwah service in rehabilitation with *Tazkiyah al-Nafs*, *al-Tawbah*, *Halaqah*, Islamic entertainment, vocational and educational training aspects works well; as an effort to raise the spiritual standard of inmates who possessed faith, piety and skills according to the Quran and Sunnah.

Keywords: Dakwah Approach; Digital Technology-Based Dakwah; Spiritual and Moral Rehabilitation.

PENGENALAN

Majoriti pendakwah adalah dari golongan belia yang sangat perlu diberi perhatian seperti mana yang telah disebutkan kepentingannya dalam al-Quran dan juga termaktub dalam hadis-hadis (Yusrin Junaidi, 2022). Mereka juga perlu meyakini bahawa setiap perbuatan Dakwah adalah usaha membawa manusia kepada agama Allah yang meliputi proses menyampai, mengajak atau menyeru manusia dalam mengenali, menerima dan menghayati Islam yang dilaksanakan melalui kaedah, teknik dan pendekatan tertentu. Dalam proses dakwah, Islam tidak mengehadkan para pendakwah menggunakan medium tertentu malah mereka digalakkan menggunakan medium terbaik mengikut kesesuaian zaman dan keberkesanan dakwah kepada sasarannya. Galakkan berdakwah terbuka kepada seluruh umat Islam yang juga disebarluaskan secara efektif dengan pelbagai pendekatan yang kreatif dan inovatif demi merangsang minat penglihatan dan pendengaran masyarakat akan mesej dakwah iaitu *Amar Ma'ruf dan Nahyi Munkar*. (Ahim. Rasinah, 2020). Dengan itu, kegiatan dakwah boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk, pendekatan dan juga teknik; baik secara konvensional maupun digital (M. Z. M. Zin et. al, 2018). Atas sebab ini, belia yang terdidik merupakan saham-saham masa depan dan menjadi penerus perjuangan Islam di muka bumi ini. Mereka juga berpotensi dalam membangun serta menyambung khidmat bakti cemerlang kepada negara dan umat Islam (Abd. Rahman, Mohammad 2011). Maka dengan itu, kemajuan atau kemunduran sesbuah negara adalah berada di tangan para belia. Dari Ibn 'Abbas *Raḍhiallāhu 'anhu*, Rasulullah SAW bersabda kepada seorang pemuda dan Baginda memperingatkannya:

اغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: حَيَانَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقْمِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ،
وَشَبَابَكَ قَبْلَ هَرْمَكَ، وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ

Terjemahan: “Rebutlah lima perkara sebelum tiba lima perkara, iaitu masa engkau muda belia sebelum tua, masa engkau sihat sebelum sakit, masa engkau kaya sebelum miskin, masa engkau lapang sebelum sibuk dan masa engkau hidup sebelum mati.”

(Ibn Hajar al-'Asqālani, 1990)

Revolusi Industri 4.0 (IR4) ini satu rahmat bagi seluruh manusia termasuk umat Islam dalam menjadikan aspek kehidupan mudah, senang dan cepat untuk dicapai di hujung jari. Ajaran Islam sendiri ada menyatakan bahawa umat Islam terutama sekali golongan belia perlu bergerak pantas seiring dengan kemajuan teknologi agar pemikiran dan tindakan itu dapat membantu dalam memperkembangkan Islam seluruh dunia (Morrison. K, 2022). Seluruh disiplin ilmu Islam mampu disebarluaskan dan diterjemahkan dalam dunia digital dan salah satu pencerahan yang dibawa oleh Islam bagi kemanusiaan adalah pemikiran secara ilmiah yang merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah (Qutub. Sayyid, 2011), sebagai contoh dalam membangunkan sebuah aplikasi '*The Noor*'; ia dibangunkan dari hasil gabungan kerjasama di antara golongan pakar agama dan pakar ICT bertujuan untuk memberi panduan serta nilai-nilai kehidupan Islam dalam gaya hidup seorang muslim. Aplikasi ini mengandungi 99 Nama-nama Allah, zikir-zikir harian, kumpulan hadis sahih sebagai rujukan permasalahan yang perlu diketahui dan sebagainya. (Ariffin. Fatin Farhanah, 2020). Dua pegangan utama ini merangkumi segala macam dasar-dasar ilmu yang perlu diperkuatkan.

Hasil yang diterokai oleh para saintis dan para sarjana mengenai dasar-dasar ilmu tersebut dikembangkan menjadi keperluan umat manusia sekarang seperti bidang sains dan pengkomputeran iaitu *Artificial Intelligence, Machine Learning*, bidang kesihatan dan kemanusiaan seperti ilmu ginekologi dan bidang keislaman seperti ilmu Qira'at, ilmu perbandingan agama, ilmu fiqh dan sebagainya adalah cabang ilmu yang berasaskan dari al-Quran dan al-Sunnah (Pusat Dakwah Islamiah, 2015). Penguasaan ilmu Islam tulen dan keilmuan teknologi terkini mempunyai hubungan yang kuat dalam penyebaran Dakwah; antaranya keperluan sekarang sangat banyak bergantung kepada kitab-kitab lama, dokumen, kertas ilmiah mahupun al-Quran yang telah diusahakan dalam bentuk pendigitalan. Meskipun begitu, usaha ini disebar luaskan tanpa meninggalkan kaedah konvensional. Konsep penggabungan transformasi teknologi digital ini, menyumbang kepada satu jenis ciptaan dan koleksi yang dijadikan salinan lembut (*Softcopy*) atau penggunaan secara '*paperless*' bertujuan agar dapat diakses setiap masa. Antara lainnya juga terdapat bahan-bahan pendigitalan yang boleh menggunakan dalam bentuk Multimedia mengikut kesesuaian dari aspek penyampaiannya seperti

audio, visual, perakam suara, animasi dan sebagainya (Nawi, A., dan et.al., 2020).

Usaha pendigitalan ini membawa perubahan kepada peningkatan kualiti dengan bantuan kepentasan dan ketepatan data kualiti. Pendigitalan lebih cenderung pada sistem operasi yang dijana dalam serba automatik dengan sistem yang mudah digeneralisasikan oleh komputer atau melalui gajet.

METODOLOGI

Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk program pemulihan kerohanian dan akhlak serta kaedah digitalisasi Dakwah yang dapat diaplikasikan di institusi-institusi pemulihan sebagai pendekatan baru melalui tinjauan kepustakaan. Terdapat beberapa konsep kajian yang berkaitan dengan tiga konsep utama iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Dakwah Menggunakan Teknologi Digital, Pemulihan Kerohanian dan Pemulihan Akhlak Generasi Tirai Besi.

DEFINISI OPERASIONAL

Sebelum kajian ini dibincangkan lebih lanjut, beberapa tema yang terdapat dalam artikel ini perlu diuraikan dan diperjelaskan terlebih dahulu.

Dakwah: mengajak manusia untuk mengamalkan dan menghayati ajaran Islam agar kembali semula kepada kehidupan yang direhui Allah Taala.

Pendekatan Dakwah: berfokuskan pada pendekatan kreatif yang divariasikan dalam program Pemulihan Kerohanian dan Akhlak yang berpandukan pada al-Quran dan sunnah iaitu dengan amalan *zikrullah*.

Generasi Tirai Besi: adalah frasa bagi banduan atau penghuni yang menerima tempoh hukuman tertentu di Institusi-institusi penjara melalui proses pemulihan dalam pendidikan dan penghayatan Islam agar mereka bebas menjadi anggota masyarakat yang berguna.

Tirai Besi: sinonim bagi penjara dan tempat pemulihan bagi mereka yang menjalani hukuman dengan tempoh tertentu.

PENDEKATAN DAKWAH MENGGUNAKAN TEKNOLOGI DIGITAL

Digitalisasi telah memberi transformasi dalam rutin harian umat manusia di bawah satu sentuhan teknologi. Antara lainnya, digitalisasi ini dihasilkan dari manuskrip bercetak secara konvensional dan akhirnya diusahakan dalam penerbitannya secara digital agar lebih bersifat mesra pengguna di samping penyebarannya yang cepat dan berkesan (Abdul Wahid, Fathima Shameera dan et al., 2017). Maka dengan penyebaran ini juga termasuk mesej Dakwah yang telah divariasikan dapat menzahirkan imej Islam sebagai agama universal tidak hanya tertumpu pada Timur Tengah sahaja. Ini membuktikan bahawa Dakwah Islam mudah diterima dan cepat di seluruh dunia. Meskipun penyebarannya cepat, namun keberkesanannya belum tentu mudah bagi semua pengguna untuk menerimanya. Sebab itu, penyebaran dakwah yang dilakukan tanpa mengenal penat dan lelah juga memerlukan usaha dalam teknik dan daya tarikan berasaskan syari'at dari para pendakwah itu sendiri (Darwis, Mohammad. 2019). Dasar hukum berdakwah terdapat dalam surah Ali Imran ayat 104, firman Allah Taala:

﴿وَلْتُكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةً يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴾ ٤٠

Terjemahannya: Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang ma'ruf, serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan.

Sebab itu, dalam usaha mengajak satu kelompok masyarakat ke arah yang lebih baik tidak mungkin tercapai tanpa rencana yang padu. Pelbagai usaha dakwah yang telah dilakukan semenjak umat Islam ini terbentuk pada 14 abad yang lalu sehingga kini masih berlanjutan dengan bertujuan meraih redha dan keberkatan Allah Taala dan merealisasikan negara sebagai sebuah *Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur* dalam mencapai masyarakat mulia yang penuh dengan keampunan iaitu *maghfirah Allah Ta'âlâ* (Sobur, Alex 2001).

Metod tradisional dalam penyebaran Dakwah Islam pada mulanya secara eksklusif, namun pada zaman digital ini telah bertransformasi menjadi lebih inklusif (Risdiana, A., dan et al., 2020). Maka dengan pendekatan ilmu sosiologi sebenarnya memberi kesedaran para *Da'ie* muslim tentang dunia digital sebagai media baru dalam Dakwah Islam. Oleh itu, semua perkara yang memberi impak kepada penyebaran dan penyampaiannya perlu dipergunakan semaksimumnya dalam menitikberatkan aspek keberkesanannya. Sejak zaman Rasulullah SAW dan sahabat lagi, penerbitan merupakan satu *wasilah* yang digunakan dalam penyebaran dakwah. Selain hafalan dijadikan medium merekodkan maklumat tentang Islam, Baginda Rasulullah SAW juga menggunakan penulisan sebagai satu kaedah untuk merekodkan ajaran Islam agar ia dipelihara dan disampaikan kepada generasi seterusnya. Penerbitan sebagai salah satu alat komunikasi yang paling efektif dan yang terkesan sehingga hari ini (Nurhafiza Hamzah dan et al, 2017), firman Allah Taala:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجِهُدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ٣٥﴾

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepadaNya dan berjuanglah pada jalanNya supaya kamu beroleh kejayaan (Surah al-Ma'idah, 5:35).

Ayat ini menerangkan tentang ikatan antara sebab musabab untuk mencapai sesuatu perkara dan di seru untuk menggunakan saluran (*wasilah*) yang boleh membawa kepada pencapaian tujuan.

Dari sorotan literatur yang membahaskan tentang dakwah Islamiah dalam era kontemporari khususnya dalam pelaksanaan dakwah melalui teknologi, digital dan juga media sosial wujud dalam beberapa kajian seperti Ngongo, V.L dan et.al., (2019) yang bertajuk ‘Pendidikan di Era Digital’ secara kepustakaan. Pendidikan Digital adalah satu konsep dalam memberikan pelajaran kepada peserta didik menggunakan pendekatan multimedia, audio dan juga visual yang benar-benar memenuhi tuntutan syarak (Ngongo dan et al., 2019). Perubahan media pengajaran ke arah pendigitalan menyeru kepada pihak berkepentingan agar berubah dan juga tiba masanya untuk meninggalkan zon selesa. Metode pengajaran di era digitalisasi ini juga harus disesuaikan dengan keperluan pada masa ini

(Maksum, Ali. dan et al, 2021). Pendidikan juga termasuk penyebaran dakwah yang bererti tidak hanya terbatas pada pengajian atau pembelajaran akademik. Sebagai pendakwah juga perlu menghiasi ilmu teknologi termasuklah mahir dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Kemahiran pendakwah ini dikenali sebagai tekno daie. Teori ‘Tekno Daie’ yang digunakan memainkan peranan yang besar dalam penyebaran dakwah yang disampaikan pada masa ini. Dengan itu, manfaat daripada perkembangan dakwah dalam teknologi yang diusahakan itu perlu seimbang dan bijaksana serta dapat membangun jiwa ummah secara berperingkat kerana masyarakat sekarang mudah berkomunikasi secara maya (Hilmi, Earnie Elmie 2014). Disebabkan kepentingan yang dinyatakan ini, tugas para Tekno Daie perlu celik TMK dan diaplikasikan secara kreatif untuk kemaslahatan masyarakat awam serta menegur secara berhemah.

METOD PENDIGITALAN DAKWAH

Ideologi dakwah atau mata pelajarannya adalah isi pesanan ajaran Islam yang bersumberkan dari al-Quran dan al-Sunnah untuk disalurkan ilmu Islam kepada *Mad'u* iaitu golongan sasaran; yang sangat mempengaruhi mereka melalui gerakan dakwah untuk mengenali Islam secara mendalam (Nurhafiza Hamzah dan et al, 2017). Dalam menarik perhatian *Mad'u*, juga digalakkan menggunakan pendekatan teori Treisman iaitu ‘*Features Integration Theories (FIT)*;’ dalam memahami proses mental asas kognitif, seperti membuat keputusan, ingatan, perhatian, dan sebagainya dengan menggunakan visual dan warna. (Árni Kristjánsson. Howard Egeth, 2019). Penggunaan teori ini adalah proses pencarian visual (*visual search*) yang dicetuskan dari dalam diri manusia itu sendiri melalui aspek penerimaan (*receptor*) warna, bentuk dan juga pergerakan (Borham, A. H. dan et al., 2018). Pengkaji memberi maksud bahawa manusia mudah tertarik kepada kreativiti secara interaktif pada cara saluran pesanan dakwah yang disampaikan itu sendiri, selepas itu baru fokus ke arah pengisiannya. Maka dari itu, pesanan dakwah Islam boleh dipelbagaikan dari aspek pendekatannya, yang seharusnya melalui alat digital sebagai media interaktif. Tugas umat Islam juga perlu bersaing secara sihat dalam menyampaikan pesanan dakwah, sepertimana dalam firman Allah Taala:

﴿ وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوْلَيْهَا فَأَسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُلِّ اللَّهَ حَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴾ ١٤٨

Terjemahannya: "Dan bagi tiap-tiap umat itu ada kiblat yang dihadapnya maka berlumba-lumbalah kamu untuk mengerjakan kebaikan. Di mana sahaja kamu berada maka Allah akan menghimpunkan kamu semua (pada hari Kiamat untuk menerima balasan). Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu." (Surah al-Baqarah, 2:148).

Jadi, dalam penyebaran dakwah itu adalah bergantung pada keberkesanannya. Keberkesaan dakwah melalui pendigitalan boleh tercapai apabila pengisian elemen Islam mampu divariasikan secara kreatif, interaktif dan menarik serta diterjemahkan dalam berbagai bentuk seperti animasi, aplikasi, video, data, rajah dan inovasi lainnya dengan syarat mengikut acuan Islam. Di samping, pemeliharaan mesej Islam dalam dimensi baru ini terjaga dengan baik (Berita Harian, 2019).

PENDEKATAN KREATIF DALAM PEMULIHAN KEROHANIAN

Fokus akan peranan agama sangat penting dalam menangani isu masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat terutama golongan belia. Islam mempunyai kebolehan dalam menyelesaikan masalah ini, di samping menjadi satu elemen benteng sahsiah dalam menghalangi individu tersebut terjebak ke dalam masalah ini berulang kali seperti akta dadah yang semakin berleluasa. Kajian teori ini memfokuskan kepada teknik pemulihan yang relevan dan kreatif khasnya bagi penagih dadah, iaitu dengan menyantuni mereka melalui pendekatan *bil hal* dan *bil lisan*³⁹, hiburan Islam, pendekatan psikologi, pembinaan sosial serta pembangunan sahsiah, meningkatkan penghayatan rohani di samping rawatan detoksifikasi melalui zikir-zikir. Dari aspek pendekatan melalui hiburan Islam juga merupakan satu wadah pemulihan yang efektif iaitu melalui pengisian lirik lagu yang mengajak mereka lebih mendekatkan diri kepada Allah, mengingati kematian dan melahirkan rasa penyesalan (Muhammad,

³⁹ Mengikut Istilah pengkaji mendefiniskan sebagai nilai-nilai Islam seperti amalan bersatu padu, toleransi, nilai teladan baik, tolong menolong menghormati orang lain dan sebagainya.

N.H.N dan et al, 2017). Pengkaji berpendapat, dalam menyalurkan seni hiburan Islam dianggap bijak dan sesuai untuk diaplikasikan mengikut syarak kepada golongan sasaran dengan bertujuan memberi kemantapan iman mereka menerusi penyediaan lirik lagu dan qasidah berunsur keislaman, kesedaran dan pada masa yang sama menambah kreativiti dan kemahiran mereka dalam mengembalikan semarakzaman kegemilangan era keemasan Islam dahulu, menerusi lagu-lagu dan qasidah.

JATI DIRI DAN BERKETERAMPILAN MENURUT ACUAN AL-QURAN DAN SUNNAH

Konsep pembentukan akhlak manusia melalui kaedah pendidikan merupakan amalan sepanjang hayat yang telah diutarakan oleh Imam al-Ghazali *Rahimahullahu Ta'âlâ*. Namun demikian, yang paling utama adalah dalam melahirkan generasi *rabbani*. Nur Najihah Ismail dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar, (2017) membahaskan mengenai ‘Kerohanian Islam: Penghayatan Dari Sudut Amalannya’ yang menekankan kepada amalan pembacaan al-Quran, bacaan zikir, amalan-amalan sunat, majlis *tafakkur* dan majlis *ta'alim* bersama guru dan proses mentarbiah akhlak diri pelajar ini dapat membentuk mereka sesuai dengan apa yang dianjurkan oleh Islam. Kajian menyimpulkan setiap amalan kerohanian yang diamalkan dalam institusi pengajian pondok secara berterusan, mampu memberi kesan yang positif. Di samping, membentuk individu yang berdikari dengan matlamat menjadikan seseorang itu bertamadun, intelek, murni dan berdaya maju (Muhammad, N.H.N dan et al, 2017). Hasil kedua-dua bentuk sorotan yang berbentuk kualitatif menerusi teknik temubual dan dokumentasi ini dapat disimpulkan bahawa penghayatan kerohanian yang tinggi mampu memberi positif dalam pembentukan Jati diri dan berketerampilan menurut acuan al-Quran dan Sunnah.

Antara pilihan yang bijak dalam pendekatan pemulihan adalah menggunakan pendekatan keagamaan dan kerohanian atau dinamakan sebagai terapi psiko-kerohanian. Mohamed MN dan Marican S, (2017) dalam artikel ‘*Incorporating Islam in the Therapeutic Community modality for rehabilitation of substance and drug users: A Malaysian experience*’ cuba meneliti dan menghuraikan elemen Islam sebagai satu komponen penting yang diterapkan dalam program pemulihan ‘*Therapeutic Community (TC)*’. Di sebaliknya, bagi yang bukan beragama islam diberi

pendekatan pemulihan mengenai nilai-nilai kehidupan yang baik mengikut ajaran Islam. Hasil dapatan melalui kajian kepustakaan ini bahawa elemen Islam yang mereka praktikkan memberi kesan positif kepada bekas penagih dadah. Antara lainnya, kajian yang sama dikaji melalui pendekatan ketika berhadapan dengan golongan ini perlu disantuni dengan bimbingan nasihat secara berhikmah dan berhemah iaitu dengan membina hubungan bersama mereka terlebih dahulu (Muhammad, N.H.N dan et al, 2017) dalam mendidik rohani dalaman mereka dengan cara bahasa dan suara yang lembut, bukan menegur secara terang-terangan atau menggunakan kekerasan atas sebab keterlanjuran mereka yang dulu. Tindakan sedemikian menyebabkan mereka menolak sebarang pendekatan agama bererti usaha pemulihan itu adalah sia-sia (Mohamed MN dan et al, 2017).

Menerusi kajian Muhamad, Norlina dan et al., (2015) memfokuskan kepada proses rawatan dan pemulihan penghuni menggunakan pendekatan keagamaan di *Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC)*, Malaysia yang berjaya dicapai persepsi penghuni terhadap keberkesanan program keagamaannya dalam membantu kejayaan proses rawatan dan pemulihan ini seperti yang diakui oleh pelatih dan kakitangan. Pendekatan keagamaan adalah terbukti efektif dalam membentuk kerohanian dan akhlak Generasi Tirai Besi ini. Pengkaji mencadangkan agar bentuk pemulihan bersifat holistik dalam memberi bimbingan dan motivasi kepada mereka. Selain itu, teori ini juga memerlukan kakitangan pelaksana yang memiliki latar belakang Pengajian Islam sangat sesuai sebagai penyelaras program keagamaan agar dapat menerapkannya dengan lebih efisien dan berkualiti.

Berdasarkan tiga bentuk sorotan kajian yang dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif secara kepustakaan, dokumentasi dan kuantitatif sebagai bukti yang kukuh menyimpulkan bahawa, matlamat utamanya adalah menerapkan ilmu agama dalam peningkatan rohani dalaman mereka kepada golongan yang memerlukan ini merupakan cerminan luaran yang membentuk sahsiah peribadi yang luhur. Usaha para penyelaras program dan kakitangan-kakiangan yang menyediakan Program Pemulihan Kerohanian dan Akhlak ini hanya membantu dan membimbing dalam proses pemulihan mereka, tinggal mereka sahaja lagi berusaha untuk mengubah diri mereka sendiri kepada versi yang lebih baik. Sebagai tambahan, keberkesanan al-Quran dan al-Sunnah merupakan indikator terbaik dalam pembentukan akhlak yang cemerlang dan membina tamadun

Islam yang berkualiti secara zahir mahupun batin (Abd Mutualib, M. G. F. dan Anas, N., 2020).

PEMBANGUNAN KEROHANIAN DENGAN PENDEKATAN TASAWUF

Usaha ke arah pembangunan elemen tasawuf dalam program pemulihan spiritual dan pembentukan akhlak penghuni khasnya di Negara Brunei Darussalam adalah cadangan dari Hjh Masuriyati Bt Hj Yahya, (2017) yang juga tidak kurang pentingnya dalam merungkaikan elemen *tazkiyah al-nafs* bermaksud pembersihan, penyucian dan penyuburan diri sebagai tunjang utama yang berkait rapat dengan gagasan Negara Zikir; hasrat murni bagi membentuk sebuah negara berkat dan masyarakatnya sentiasa ingat dan ta'at kepada Allah. Di samping, merancang dan membangun kehidupan hanya kerana Allah SWT semata-mata. Di samping, penerapan konsep *al-tawbah* juga perlu diamalkan sebagai usaha dalam mencapai matlamat pemulihan akhlak penghuni sebelum dibebaskan (Abdul Jalil, S. J. dan et al., 2016). Program pengukuhan khusus amalan *Zikrullah* adalah salah satu metod *tazkiyah al-nafs* yang merupakan pendekatan yang tepat dan efektif bagi menyelesaikan masalah sosial yang menyebabkan permasalahan jiwa. Kajian yang serupa juga dirungkaikan bersama oleh Masuriyati Yahya dan et al, 2016 mengenai pembangunan rohani dari aspek pengawalan diri memerlukan peningkatan yang efektif lagi kerana masih kurang berkesan dalam memberikan perubahan akhlak. Namun, apa yang didapati oleh pengkaji mengenai teori dalam ketiga-tiga kajian ini juga satu modal yang boleh diaplikasikan kepada para penghuni Institusi Penjara iaitu menambah modul *Halaqah* dalam pemulihan alternatif khas buat semua jenis pelaku jenayah. Pengisian modul ini adalah merangkumi zikir-zikir seperti aktiviti tadabbur ayat-ayat al-Quran, kisah disebalik 114 nama-nama surah sebagai peringatan dan pengajaran dalam kehidupan serta memberi pengenalan asas konsep *tazkiyah al-nafs* dan *al-tawbah* sebagai detoksifikasi santapan jiwa dan akhlak mereka. berikut kerangka konsep yang dibina

KEPERCAYAAN PADA BELIA BEKAS BANDUAN

Sokongan sosial terhadap golongan yang memerlukan perhatian ini adalah penting agar mereka kembali semula ke pangkuhan masyarakat dengan

aman, baik dan selamat. Menerusi kajian (Jaidin, Zulhilmi., 2020) tentang kepentingan sokongan sosial terhadap bekas pesalah secara umum dengan menggunakan metod dalam bentuk dokumentasi. Dengan adanya kumpulan sokongan sosial, mereka merasa diri mereka dihargai, dipeduli dan disayangi untuk terus membina kehidupan yang baru dan secara langsung mencegah mereka dari membuat kesilapan dan ketelanjuran tingkah laku yang lalu. Begitu juga menerusi kajian Muhammad, N.H.N dan et. al., (2017) menekankan dalam pembinaan sosial seperti mendedahkan golongan ini dengan pendekatan program-program amal dan sukarelawan dapat membina mereka melakukan hubungan baik dengan Allah Taala dan juga sesama manusia. Sebagaimana dalam firman-Nya:

﴿...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْإِيمَانِ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْغَدْوَنِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

﴿...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْإِيمَانِ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْغَدْوَنِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

Terjemahannya: Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebijakan dan ketaqwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksaNya. (Surah Al-Mâidah, 5:2).

Pendekatan yang proaktif ini sebenarnya lambat laun dapat menimbulkan sifat kesedaran dalam diri mereka (Muhammad, N.H.N dan et al., 2017). Di samping, mereka juga merasa lebih matang dan bertanggungjawab ketika diberi kepercayaan (amanah) dan tanggungjawab yang melibatkan konsep pahala dan dosa. Sumbangan mereka ini dianggap sebagai perbuatan baik yang dapat membantu dalam pembangunan masyarakat kepada yang lebih baik. (Amri, S., et.al., 2019).


Terdapat satu kajian yang unik mengenai pendekatan pemulihan yang berasaskan pengintegrasian latihan vokasional dan pendidikan bagi pesalah remaja. Golongan ini telah didedahkan untuk mempelajari kemahiran asas bahasa arab serta pengkomputeran sebagai nilai tambah ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka. Bukan itu sahaja, mereka juga didedahkan dengan kaedah memasak dan pengurusan sajian yang berasaskan Islam; seperti peka dalam memilih bahan-bahan yang betul,

halal dan selamat serta menitikberatkan aspek kebersihan yang dituntut dalam ajaran Islam. Di samping, mereka diajarkan niat serta doa sebelum memulakan masakan (Esa, Ahmad, Zalina dan et.al., 2014). Kemahiran-kemahiran yang dipraktikkan ini merupakan satu peluang dalam memberi kesedaran sosial, meningkatkan harga diri, empati dan juga pengurusan pemikiran untuk dipraktikkan setelah bebas nanti (Ibrahim, N., et.al., 2020). Meskipun tindakan ini kecil tetapi sebenarnya memberi impak yang besar kepada diri mereka sendiri dan juga pada orang lain kerana tersemai dalam diri mereka dengan benih-benih akhlak Islam.

KERANGKA KONSEP

Berpandukan dari sorotan karya literatur, kerangka konsep dibina atas dasar konsep-konsep yang telah diutarakan dan terbentuk bermula dari pengenalan asas konsep *tazkiyah al-nafs* dan *al-tawbah* sebagai detoksifikasi santapan jiwa dan akhlak mereka. Di samping, mengadakan modul *Halaqah* secara berterusan sebagai pemulihan alternatif dan proses muhasabah diri khas buat semua jenis pelaku jenayah dan akhir sekali pendekatan dengan hiburan Islam. Ini bertujuan memberi kesedaran dan keinsafan pada diri mereka. Kerangka konsep yang dibina dalam rajah 1 adalah seperti berikut:

Rajah 1: Kerangka konsep Pendekatan Dakwah dalam membangunkan Program Pemulihan.



DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Maka dari itu, perkembangan kajian teori ini dengan menggunakan metode penelitian bersistematik melalui tinjauan kepustakaan ini menghasilkan akan kepentingan sokongan sosial melalui khidmat dakwah yang mampu divariasikan secara kreatif dalam pemulihan dan usaha ini terbukti berkesan dalam mempertingkatkan kualiti kerohanian generasi tirai besi ini melalui proses pemulihan yang menjadikan mereka beriman dan bertakwa serta berketerampilan menurut acuan al-Quran dan Sunnah

Pengkaji memberi cadangan bagi menyalurkan dakwah dalam program pemulihan kerohanian dan akhlak, demi menarik minat golongan sasaran terhadap pengisian zikir-zikir, al-Quran dan hadis harus disalurkan dalam bentuk pendigitalan yang mengandungi video pendek, audio, visual, perakam suara, tayangan slaid serta animasi dan sebagainya. Meskipun pendekatan berbeza ini belum banyak dibahaskan dalam kajian lepas, namun inisiatif ini secara teorinya dapat memudahkan sambil membantu dalam meningkatkan daya ingatan mereka, memberi keseronokan dalam beribadah, mengurangkan tekanan mereka dengan persekitaran di penjara atau pemulihan dan memberi perubahan baru demi meningkatkan keberkesanan dalam pengurusan program pemulihan keagamaan di institusi-institusi penjara atau pusat-pusat pemulihan. Ini juga tertakluk dari

platform yang digunakan dan perlu disediakan sendiri oleh kakitangan pelaksana yang memiliki latar belakang Pengajian Islam menjadi keutamaan; kerana mereka sangat sesuai sebagai penyelaras program keagamaan seperti ini agar dapat menerapkannya dengan lebih efisien dan berkualiti. Oleh hal yang demikian, umat Islam sebagai pengguna juga harus mampu menguasai dan memanfaatkan faedah ini sebesar-besarnya dengan menjadikan ikhtiar dalam mengembangkan teknologi informasi pendigitalan ini sebagai senjata kebaikan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim. Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya. (2014). Cetakan Pertama. Pusat Dakwah Islamiah.

al-Hadith: Ibn Hajar al-‘Asqālani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani. *Fath al-Bāri Sharah Ṣahīh al-Bukhārī*. Kitāb al-Riqaq. Bāb Qawl al-Nabi SAW Kun fi al-Dunya Kaannaka Gharib aw’A bir Sabil. No. Hadith 6416. (e.d). Mustafa ‘Abd al-Qādr ‘Atā. (Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah. (1411H/ 1990M). 4:341. Authentic Hadith (Hadith Sahih).

Jurnal Inggeris

Nawi, A., Zakaria, G. A . N., Hashim, N., Mahalle, S., & Ren, C. C., (2020). The Needs of Islamic Digital Resources in Polytechnic Brunei Darussalam: A Preliminary Study. *International Journal of Instruction*. 13 (1), hlm. 225-234. e-ISSN: 1308-1470.

Amri, S. ., Salaeh, A. ., Amin, M. Z. M. ., Adawiyah, R. ., & Yahya, M. . (2019). The Role of Former Drug Abuser in the Management of Drug Treatment Center Using Psycho Spiritual Therapy in Malaysia and South Thailand: A Comparative Study. *International Journal of Asian Social Science*, 9(1), 106–113.
<https://doi.org/10.18488/journal.1.2019.91.106.113>

JURNAL MELAYU

Esa, Ahmad., Abd Aziz, Zalina @ Siti Aishah., Mohamad, Nurul Haerani., 2014. Pengintegrasian Latihan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam dalam Kalangan Remaja Terlanjur di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, Vol. 4(1) June, hlm. 47-60. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UNSUR Cianjur, ISSN 2088-1290.

Sobur., Alex. 2001. Dakwah Alternatif di Era Global: Suatu Pendekatan Perubahan Sosial. *Mimbar*, hlm. 421-422.

Risdiana, A., Ramadhan, R. B., & Nawawi, I. 2020, June. Transformasi Dakwah Berbasis ‘Kitab Kuning’ ke Platform Digital. *Jurnal Lektur Keagamaan*. 18 (1), hlm. 2.

Abd Mutualib, M. G. F., & Anas, N. 2020. Pemulihan Akhlak Remaja Melalui Pendekatan Tahfiz Di Malaysia: Tinjauan Awal. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 21(1), hlm. 139. e-ISSN: 2289-6325.

Darwis, Mohammad. 2019, Februari. Rejuvenasi Paradigma Dakwah di Era 4.0. *Dakwatuna: Jurnal Dakwah dan Komunikasi Islam*. 5 (1), hlm. 59.

Muhamad, Norlina. Mohd Yusof, Siti Farahwahida. Nizar, Madya. Tamar Al, Jaya. Ghazali, Mohd. Abdullah, Ikhsan. Mamat, Akmaliza. 2015. Keberkesanan Rawatan Pemulihan Dadah Menggunakan Pendekatan Keagamaan: Kajian Dalam Kalangan Pelatih Wanita Di CCRC Bachok (Kelantan), AADK Besut, AADK Kemaman dan CCSC Kuala Terengganu (Terengganu). *Jurnal Antidadah Malaysia*. 9(1), hlm. 1-16. ISSN: 2231-9387

M. Z. M. Zin, A. H. Nurfahiratul, S. Rohaya. 2018. Kepentingan Amalan Religiositi Dalam Pembangunan Profesional. *Borneo International Journal*. Vol. 1 (1), hlm. 20-26. e-ISSN 2636-9826.

Ibrahim, N., Mansor, N. H., & Md Yusoff, Y. (2020). Bentuk-bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur: Classifications of Moral Rehabilitation for Sex Offenders in Malaysia: A Literature Review. *Jurnal Usuluddin*. 48(2), hlm. 1–23.

Ahim, Rasinah. 2020. Dakwah Islamiah Mendepani Cabaran Revolusi Industri 4.0. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)*. 5 (1), hlm. 1-8.

Qutub, Sayid. 2011 Sumber-sumber Ilmu Pengetahuan dalam al-Quran dan hadits. *Humaniora*. Vol.2 (2). <https://media.neliti.com/media/publications/167158-ID-sumber-sumber-ilmu-pengetahuan-dalam-al.pdf>

Abdul Jalil, S. J., Md Yusoff, Y., & Ismail, R. 2016. Peranan Program Keagamaan terhadap Pemulihan Konsep Kendiri Banduan Wanita di Malaysia. *Afkar*. 18 (2), hlm. 214.

Jaidin, Zulhilmi. 2020. Kepentingan Sokongan Sosial dalam Mengukuhkan Kawalan Sosial terhadap Mengukuhkan Kawalan Sosial terhadap Bekas Pengguna Dadah: Satu Kajian Sorotan Literatur. *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*. 8(2), hlm. 175-188. DOI: ISSN 2684-7388.

BUKU

Abd. Rahman, Mohammad. 2011. *Belia dan Pendidikan Islam di Brunei Darussalam*. Cetakan Pertama. Bandar Seri Begawan: Pusat Dakwah Islamiah, m.s. 16-17.

Pusat Dakwah Islamiah. 2015. *Membina Generasi al-Qur'an*. Cetakan Pertama. Bandar Seri Begawan: Pusat Dakwah Islamiah, m.s. 10-11.

PROSIDING

Maksum, Ali. Fitria, Happy. 2021. Transformasi dan Digitalisasi Pendidikan dimasa Pandemi. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Program Pascasarjana Universitas PGRI Palembang*, 15-16 Januari. hlm. 121.

Borham, A. H., Abdul Rahim, M. M., Abdullah, W. H. 2018. Faktor-faktor Tarikan dalam Metod Dakwah: Satu Sorotan Literatur. *Human Sustainability Procedia*. hlm. 4.

Hilmi, Earnie Elmie. 2014. Komunikasi (ICT). *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*. hlm. 2-5.

Muhammad, N.H.N., Omar S.H.S. 2017. Peranan Sahsiah dan Kerohanian bagi Mengatasi Masalah Penagihan Dadah. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, hlm. 204-211.

Ngongo, V.L. Hidayat, Taufiq. Wiyanto. 2019, May. Pendidikan di Era Digital. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan program Pascasarjana Univeristas*, hlm. 628-629.

Hamzah, Nurhafiza. Othman, Hussain. 2017, November. Potensi Penggunaan E-Buku sebagai saluran Dakwah. *The 3rd International Seminar on Da'wah*, hlm 2-3.

Ismail, Nur Najihah. Syed Omar, Syed Hadzrullathfi. 2017. Kerohanian Islam: Penghayatan Dari Sudut Amalannya. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, hlm. 51-54.

LAMAN SESAWANG

Berita Harian. 2019, 12 January. *Dai muda mahir IT mampu perluaskan gerakan dakwah,* <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/01/518876/dai-muda-mahir-it-mampu-perluaskan-gerakan-dakwah>, di akses pada 06 September 2021.

Fatin Farhana Ariffin. 20 November 2020. *Neelofa lancar aplikasi gaya hidup Muslim 2021,* <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2020/11/756282/neelofa-lancar-aplikasi-gaya-hidup-muslim-2021> di akses pada 06 September 2021.

Morrison K. 21 Jun 2022. Golongan Belia Perlu Kuasai Kemahiran Baharu, <https://sabahnews.com.my/golongan-belia-perlu-kuasai-kemahiran-baharu/> di akses pada 20 Ogos 2022.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. 2017, <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=wasilah> di akses pada 25 Oktober 2021.

Yusrin Junaidi. 21 Mei, 2022. Tingkatkan Peranan Belia dalam Pembangunan Negara. <https://mediapermata.com.bn/tingkatkan-peranan-belia-dalam-pembangunan-negara/> di akses pada 25 September 2021.